

**Taman KLCC Dipenuhi 50,000 Sukarelawan, Najib Sempat Buat Kejutan Lawat Gerai Pameran Bernama  
15 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Esplanade KLCC, sebuah mercu tanda negara, hari ini dibanjiri 50,000 sukarelawan belia yang hadir untuk menyatakan sokongan terhadap program yang julung kali diadakan, 1Malaysia For Youth (iM4U).

Program iM4U yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak itu menggabungkan semua badan sukarelawan di negara ini bagi menggalakkan dan merangsang minat golongan belia dalam pelbagai aktiviti kesukarelawan.

Najib dalam ucapan perasmianya berkata taman KLCC dipilih sebagai lokasi himpunan sukarelawan yang terdiri daripada pelbagai agensi, institusi dan badan bukan kerajaan (NGO) kerana mencerminkan bahawa Malaysia merupakan negara yang moden dan maju.

"Tidak ada tempat yang lebih sesuai dengan kemodenan, kemudahan rekreasinya, tasiknya dan bangunan berkembar Petronas yang tertinggi di dunia pada satu ketika dahulu," katanya di sini.

Terdahulu, Najib yang tiba pada pukul 11.30 pagi mengejutkan ramai petugas dan sukarelawan di situ yang menjangka beliau akan tiba pada pukul 3 petang dan sempat meluangkan masa kira-kira satu jam setengah beramah mesra dan melawat gerai pameran di sekitar tasik taman itu.

Perdana Menteri, yang memakai baju-t berkolar biru gelap dan bertopi, diiringi Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek serta beratus-ratus sukarelawan dan belia sempat melihat persembahan pasukan beruniform di gerai Kementerian Dalam Negeri.

Ketika di gerai selebriti, Najib bersama-sama Datuk DJ Dave dan Hattan menyanyikan beberapa bait lagu 'Stand By Me', yang dipopularkan oleh Ben E King, iaitu satu daripada lagu kegemaran beliau.

Sebagai tanda sokongan terhadap program iM4U, Najib turut mewarnakan merah dan biru di kedua-dua tapak tangannya serta mengecapnya di kain rentang iM4U selain mendaftarkan diri sebagai sukarelawan di gerai i-Volunteer.

Turut disediakan adalah gerai menjual 15,000 tiket perlawanan bola sepak antara Malaysia dan juara Liga Premier Inggeris, Manchester City yang hanya dijual pada harga RM10, dan hasil kutipan akan didermakan kepada badan amal.

Selepas melancarkan program itu, Najib yang jelas ceria, turut bersama-sama menyanyikan lagu 1Malaysia dan lagu baru iM4U hasil gubahan Universiti Lim Kok Wing.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680741>

